

ISU PENEMUAN NAZIRAN eSPKB

Bil	Isu Penemuan	Analisis		Penilaian SPPP
		Risiko Rendah Impak Kecil	Risiko Tinggi Impak Besar	
Waran Peruntukan				
1	Waran Peruntukan eSPKB tidak dicetak			1
2	Dokumen sokongan untuk Waran Peruntukan tidak lengkap/ tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah			1
3	Waran asal tidak disertakan bersama waran eSPKB			3
4	Terdapat kesalahan kunci masuk maklumat/ butiran Waran Peruntukan			3
5	Tiada kelulusan pindah peruntukan (viremen) oleh Ketua Jabatan/ Pemegang Waran/ Pegawai Pengawal/ Perbendaharaan - Pekeliling Perbendaharaan (PP) 11/2008			4
Jumlah Pemberat				12
Baucar Bayaran				
Penemuan Am Baucar Bayaran				
6	Baucar Bayaran tidak dicetak			1
7	Nombor rujukan/ tarikh invois pada Baucar Bayaran berbeza dengan invois/ bil/ dokumen tuntutan			1
8	Penggunaan Kod Objek Lanjut/ Kumpulan Lanjut yang tidak tepat - PP 5/2004			2
9	Perihal Bayaran tidak lengkap/ tidak mematuhi Surat Arahan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)			2
10	Dokumen sokongan yang dilampirkan tidak lengkap/ tidak mematuhi peraturan - AP99 (a) dan AP 102(a)			2
11	Perihal bayaran yang tidak tepat dengan perolehan/ pembelian/ tuntutan sebenar yang dibuat			3
12	Salinan dokumen sokongan tidak dicap 'SALINAN DIAKUI SAH' lengkap dengan tandatangan, nama dan jawatan pegawai yang diberikuasa pada setiap muka surat yang berkaitan - Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) 1/1983			3
13	Baucar Bayaran dipinda/ pindaan pada dokumen utama bayaran (invois/ bil/ resit) tidak selaras dengan AP147			3
14	Pembayaran melebihi 14 hari - AP103 (a)			3
15	Dokumen sokongan tidak dilampirkan - AP99 (a)			4
16	Penggunaan Kod Objek Am/ Sebagai yang tidak tepat - PP 5/2004			4
17	Invois/ bil tidak diperaku oleh Jabatan - AP99 (e) (i) atau (ii)			4
18	Bayaran tidak menggunakan bil/ invois yang asal/ resit asal/ surat akuan sumpah			4
19	Baucar dibayar atas nama penjawat awam bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja - AP99 (b)			4
20	Maklumat dan butiran pembekal/ penerima pada Baucar Bayaran berbeza dengan invois/ bil/ dokumen tuntutan/ dokumen sokongan			4
21	Amaun di Baucar Bayaran tidak sama dengan invois atau dokumen tuntutan - AP102 (a)			4
22	Pembayaran dibawah AP58 (a) dibuat tanpa kelulusan Pejabat Perakaunan/ Perbendaharaan			4
23	Pengeluaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak mematuhi - AP96			4


Bil	Isu Penemuan	Analisis		Penilaian SPPP
		Risiko Rendah Impak Kecil	Risiko Tinggi Impak Besar	
Tuntutan Pegawai/ Panjar				
24	Tuntutan perjalanan tidak dikemukakan sebelum atau pada 10hb. bulan berikutnya - AP100 (a)			1
25	Lebih daripada satu tuntutan perjalanan dibuat bagi satu-satu bulan kecuali bagi tuntutan yang melibatkan lebih daripada satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) - AP100 (b)			1
26	Kesilapan pengiraan Baucar Bayaran tuntutan pegawai atau Panjar Wang Runcit (terkurang bayar) - AP102 (a) (iv)			2
27	Borang tuntutan pegawai tidak lengkap - AP 99 (a) dan AP 102 (a)			3
28	Kesilapan pengiraan Baucar Bayaran tuntutan pegawai atau Panjar Wang Runcit (terlebih bayar) - AP102 (a) (iv)			4
29	Baucar Kecil (Kew.50) tidak disediakan bagi tujuan Panjar Wang Runcit/ tidak dilengkapkan - AP99 (c)			4
Perolehan - Pesanan Tempatan (PT)/ Kontrak/ Inden Kerja				
30	Bayaran kontrak/ perjanjian tidak dicatat nombor kontrak, tempoh dan amaun kontrak pada ruangan 'Catatan' di senarai semak - AP99 (a)			2
31	PT/ Inden kerja tidak lengkap/ tidak diperakui oleh Pembekal dan/ atau Jabatan/ tidak dicetak - AP99 (e) (i) atau (ii)			4
32	PT/ Inden Kerja dikeluarkan selepas tarikh perolehan - AP176.1 (d) dan (e)			4
33	PT dilakukan secara manual tanpa kelulusan pegawai yang diberikuasa - AP54			4
34	Perolehan tanpa PT atau perjanjian/ kontrak			4
35	Pembayaran dilaksanakan menggunakan dokumen perjanjian yang tidak sah - AP176.1 (c)			4
36	Pembayaran dibuat sebelum bekalan/ perkhidmatan disempurnakan - AP102 (a) (i)			4
37	Bayaran bercanggah dengan terma dan syarat kontrak			4
38	Perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja tidak mematuhi peraturan/ tatacara perolehan			4
				Jumlah Pemberat 105
Baucar Jurnal				
39	Baucar Jurnal eSPKB tidak dicetak			1
40	Dokumen sokongan untuk Baucar Jurnal tidak lengkap/ tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah			1
41	Terdapat kesalahan kunci masuk maklumat/ butiran jurnal			3
				Jumlah Pemberat 5
Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) Pukal				
42	Dokumen sokongan untuk WPUA tidak lengkap/ tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah			1
43	WPUA dilakukan secara manual tanpa kelulusan pegawai yang diberikuasa - AP54			3
44	WPUA tiada tandatangan Peraku II			3
45	Semakan tidak dibuat antara WPUA, invois, BV381, BV504 - 505 dengan BP21			4
46	WPUA dipinda			4
				Jumlah Pemberat 15

Bil	Isu Penemuan	Analisis		Penilaian SPPP
		Risiko Rendah Impak Kecil	Risiko Tinggi Impak Besar	
Pematuhan Panduan Pengguna PTJ eSPKB/ Pengurusan Dokumen Kewangan				
47	Cap 'BATAL/ TELAH BAYAR' (JANM 09) tidak digunakan pada Baucar Bayaran yang dibatalkan/ nombor dan tarikh EFT/ cek yang gagal dikemaskini secara automatik			1
48	Borang Pergerakan Dokumen eSPKB (JANM 08)/ ePerolehan tidak digunakan/ tidak dilengkapkan/ tarikh dan tandatangan Pegawai Penyedia, Perakuan I, Perakuan II berbeza antara JANM 08 dan Baucar Bayaran/ Baucar Jurnal/ Waran Peruntukan/ WPUA			1
49	Senarai Semak tidak dicetak/ pilihan atau penandaan tidak sama dengan dokumen sokongan/ penandaan tidak tepat			2
50	Penyesuaian Vot (BV500 - BV503) tidak dihantar ke Pejabat Perakaunan dalam tempoh 14 hari dari tarikh laporan dipaparkan di Portal JANM/ Buletin eSPKB			2
51	Penggunaan modul bayaran yang salah			2
52	Penemuan naziran yang berulang			2
53	Tiada cap/ tebukan 'TELAH BAYAR' (JANM 11) pada borang tuntutan pegawai/ resit/ bil/ invois - SPANM 1/1983			3
54	Tiada cap 'TARIKH TERIMA' pada invois/ bil/ penyata tuntutan/ Kew. 8			3
55	Laporan BV381 tidak dicetak, disemak dan ditandatangan sekurang-kurangnya sebulan sekali - AP95 (e)			3
56	Laporan BV340 tidak dicetak, disemak dan ditandatangan sekurang-kurangnya sebulan sekali - AP103 (b)			3
57	Penyesuaian Vot (BV 500 - BV 503) tidak disediakan/ dicetak/ disemak dan ditandatangani oleh Penyelia			3
58	Penyimpanan dokumen kewangan tidak mengikut kehendak AP99 (a)/ AP150 (i)			3
59	Borang Bayaran Berjadual (JANM 12) tidak diselenggara/ dikemaskini dan difailkan dengan sempurna untuk semakan			3
60	Gagal mengemukakan dokumen kewangan untuk naziran			4
				Jumlah Pemberat 35
Pengurusan Pengguna				
61	Tidak menyelenggara fail khas berkaitan penurunan kuasa dan had kuasa berbelanja			1
62	Tiada Surat Penurunan Kuasa/ tidak dikemaskini - AP11			4
63	Tiada Had Kuasa Berbelanja/ tidak dikemaskini/ tidak selaras dengan AP101 dan SPANM 1/2008			4
64	Tahap capaian pengguna tidak dikemaskini			4
65	Pengguna Kad Pintar adalah pengguna yang tidak sah - AP 70 (c)			4
				Jumlah Pemberat 17
				JUMLAH KESELURUHAN 189

ANALISIS RISIKO DAN IMPAK TERHADAP 65 ISU PENEMUAN NAZIRAN eSPKB

Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap 65 Isu Penemuan Naziran eSPKB adalah untuk memaklumkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) tentang tahap keseriusan sesuatu penemuan naziran eSPKB. Ketidakpatuhan sesebuah Jabatan atau PTJ terhadap penemuan naziran eSPKB boleh menjadi kayu pengukur prestasi pengurusan kewangan di Jabatan atau PTJ tersebut serta membantu pihak pengurusan atasan membuat tindakan susulan bagi Jabatan atau PTJ yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Daripada 65 Isu Penemuan Naziran eSPKB yang telah dikenalpasti, ianya telah dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu Risiko Rendah Impak Kecil yang meliputi 21 isu penemuan manakala 44 isu lagi dikategorikan sebagai Risiko Tinggi Impak Besar.



PENJELASAN TAHAP RISIKO DAN IMPAK KETIDAKPATUHAN ISU PENEMUAN NAZIRAN eSPKB

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau perkara-perkara negatif sekiranya ada berlaku ketidakpatuhan terhadap isu-isu naziran.

Impak pula adalah kesan kepada pengurusan kewangan jabatan atau PTJ sekiranya risiko-risiko tersebut berlaku.

Berikut adalah penjelasan lanjut terhadap Risiko Tinggi Impak Besar dan Risiko Rendah Impak Kecil :

RISIKO TINGGI - IMPAK BESAR	RISIKO RENDAH - IMPAK KECIL
Merupakan ketidakpatuhan ke atas peraturan kewangan dan Panduan Pengguna eSPKB yang berada pada tahap serius/ sangat serius	Merupakan ketidakpatuhan ke atas peraturan kewangan dan Panduan Pengguna eSPKB yang kurang serius
RISIKO TINGGI	RISIKO RENDAH
i. Penyelewengan wang awam ii. Pecah amanah iii. Pembayaran tanpa kuasa iv. Penyalahgunaan kuasa v. Perbelanjaan melebihi atau tanpa peruntukan vi. Perolehan tanpa kelulusan vii. Kesilapan pembayaran viii. Pembayaran bagi bekalan/ perkhidmatan yang tidak dibekalkan/ disempurnakan ix. Terimaan/ hasil Kerajaan tidak dibankkan	i. Pelaporan maklumat perbelanjaan tidak tepat ii. Kelewatan pembayaran disebabkan tuntutan lewat dikemukakan iii. Kesahihan dokumen asal tidak dapat dipastikan iv. Menyukarkan semak silang di antara dokumen kewangan dan dokumen-dokumen sokongan v. Catatan butir-butir bayaran tidak lengkap untuk tujuan audit vi. Penyimpanan dokumen kewangan tidak teratur
IMPAK BESAR	IMPAK KECIL
i. Imej dan reputasi Kementerian/ Jabatan/ PTJ terjejas ii. Menjejaskan kredibiliti Pegawai Pengawal iii. Tidak berintegriti iv. Pembaziran wang awam v. Kerugian hasil Kerajaan	i. Menjejaskan perancangan belanjawan ii. Sistem kawalan dalaman yang lemah dalam pengurusan kewangan iii. Menggambarkan kelemahan dari segi dokumentasi ke atas dokumen-dokumen kewangan eSPKB dan dokumen sokongan

KETERANGAN 65 ISU PEMERHATIAN NAZIRAN eSPKB TERHADAP RISIKO DAN IMPAK

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
Waran Peruntukan				
1	Waran Peruntukan eSPKB tidak dicetak	Risiko Rendah Impak Kecil	Waran Peruntukan eSPKB yang tidak dicetak menyebabkan sukar untuk menentukan butir-butir yang dikunci masuk ke dalam Sistem eSPKB sama ada betul atau tidak	
2	Dokumen sokongan untuk Waran Peruntukan tidak lengkap/ tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah	Risiko Rendah Impak Kecil	Dokumen sokongan yang tidak dilampirkan hanya menyukarkan proses semak silang di antara dokumen kewangan dan dokumen sokongan	Dokumen sokongan seperti permohonan untuk pindah peruntukan, waran tarik dan lain-lain tidak disertakan dan/ atau salinan dokumen sokongan yang dilampirkan tidak diakui sah
3	Waran asal tidak disertakan bersama waran eSPKB	Risiko Tinggi Impak Besar	Waran asal yang tidak disertakan bersama waran eSPKB berisiko waran tersebut dikunci masuk dua (2) kali (faksimili dan asal dikunci masuk). Ini boleh mengakibatkan peruntukan tidak tepat, perbelanjaan tanpa/ melebihi peruntukan serta perbelanjaan tanpa kebenaran	
4	Terdapat kesalahan kunci masuk maklumat/ butiran Waran Peruntukan	Risiko Tinggi Impak Besar	Kesalahan kunci masuk maklumat/ butiran waran peruntukan boleh menyebabkan berlakunya perbelanjaan tanpa/ melebihi peruntukan serta boleh mengakibatkan jumlah keseluruhan peruntukan di peringkat Kementerian dan PTJ tidak tepat yang mana boleh menjelaskan prestasi kewangan sesebuah Kementerian	Kesalahan kunci masuk butiran atau maklumat-maklumat seperti vot, kod program, amanah, projek, objek dan amaun
5	Tiada kelulusan pindah peruntukan (viremen) oleh Ketua Jabatan/ Pemegang Waran/ Pegawai Pengawal/ Perbendaharaan - Pekeliling Perbendaharaan (PP) 11/2008	Risiko Tinggi Impak Besar	Tiada kelulusan pindah peruntukan boleh mengakibatkan perbelanjaan dilakukan tanpa kebenaran dan seterusnya membawa kepada perbelanjaan tanpa/ melebihi peruntukan	Memastikan Lampiran B : Permohonan Untuk Pindah Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus disediakan
Baucar Bayaran				
Penemuan Am Baucar Bayaran				
6	Baucar Bayaran tidak dicetak			

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
7	Nombor rujukan/ tarikh invois pada Baucar Bayaran berbeza dengan invois/ bil/ dokumen tuntutan	Risiko Rendah Impak Kecil	Memberi risiko dimana sukar untuk membuat semak silang diantara dokumen kewangan dan dokumen sokongan	Sebagai contoh nombor rujukan invois yang dicatatkan pada Baucar Bayaran adalah nombor Pesanan Penghantaran (DO) dan tarikh yang dicatatkan adalah tarikh terima invois, bukan tarikh invois sebenar
8	Penggunaan Kod Objek Lanjut/ Kumpulan Lanjut yang tidak tepat - PP 5/2004		Kesilapan Kod Objek Lanjut/ Kumpulan Lanjut dikategorikan sebagai berisiko rendah kerana ianya masih di dalam kawalan Objek Sebagai dan tidak menjelaskan perancangan peruntukan atau belanjawan sesuatu aktiviti atau program	Sebagai contoh kod objek yang digunakan adalah Kod Objek 27102 (Alat Tulis Pejabat) tetapi Kod Objek sebenarnya adalah 27299 (Bekalan Am Yang Lain)
9	Perihal Bayaran tidak lengkap/ tidak mematuhi Surat Arahan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)		Perihal yang tidak mematuhi Surat Arahan JANM hanya berisiko kepada penerima/ pembekal yang mana sukar untuk mengenalpasti bayaran yang telah dilakukan oleh sesebuah Jabatan. Walaubagaimanapun, pembekal/ penerima boleh mengetahui status pembayaran mereka melalui saluran lain seperti perkhidmatan eMaklum atau SMS	Sebagai contoh 20 aksara pertama bagi bayaran kepada pembekal dicatatkan tarikh terima invois dan nombor invois, sepatutnya dicatatkan tarikh invois dan nombor invois
10	Dokumen sokongan yang dilampirkan tidak lengkap/ tidak mematuhi peraturan - AP99 (a) dan AP 102(a)		Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana dokumen sokongan telah ada dilampirkan bersama Baucar Bayaran tetapi dokumen sokongan yang dilampirkan tidak lengkap atau tidak mematuhi peraturan seperti surat arahan kerja lebih masa lewat dikeluarkan, tiada tarikh pada invois dan sebagainya. Walaubagaimanapun, sila rujuk pemerhatian nombor 27 bagi borang tuntutan pegawai tidak lengkap dan pemerhatian nombor 31 bagi Pesanan Tempatan/ Inden tidak lengkap	Sebagai contoh surat arahan kerja lebih masa lewat dikeluarkan, tiada tarikh pada invois dan sebagainya

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
11	Perihal bayaran yang tidak tepat dengan perolehan/ pembelian/ tuntutan sebenar yang dibuat		Sesebuah Jabatan/ PTJ yang mengubah perihal Baucar Bayaran bagi tujuan untuk menggunakan peruntukan dibawah kod objek yang tidak sepatutnya. Ianya dikategorikan sebagai risiko tinggi kerana terdapat unsur-unsur penipuan, perolehan tanpa kelulusan serta menjelaskan perancangan belanjawan.	Sebagai contoh pembelian harta modal hendaklah menggunakan Objek Sebagai (OS) 27000 atau 35000 dan memerlukan kelulusan Pegawai Pengawal. Walaubagaimanapun, disebabkan ketiadaan peruntukan dibawah OS tersebut, Jabatan/ PTJ telah mengubah perihal Baucar Bayaran untuk menggunakan peruntukan dibawah OS 28000 atau 24000 bagi membolehkan bayaran dapat dilakukan
12	Salinan dokumen sokongan tidak dicap 'SALINAN DIAKUI SAH' lengkap dengan tandatangan, nama dan jawatan pegawai yang diberikuasa pada setiap muka surat yang berkaitan - Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) 1/1983		Dikategorikan sebagai risiko tinggi kerana terdapat risiko berlakunya pemalsuan dokumen sokongan sama ada mewujudkan dokumen yang tiada atau mengubah dokumen asal	
13	Baucar Bayaran dipinda/ pindaan pada dokumen utama bayaran (invois/ bil/ resit) tidak selaras dengan AP147		Dikategorikan sebagai risiko tinggi kerana boleh menyebabkan berlakunya kesilapan pembayaran atau penipuan dokumen sokongan serta kesahihan maklumat di dalam dokumen sokongan itu sendiri sukar untuk dibuktikan	Sebagai contoh terdapat pindaan pada tarikh resit hotel, pindaan pada tarikh invois, pindaan pada amaun dan sebagainya.
14	Pembayaran melebihi 14 hari - AP103 (a)		Pembayaran melebihi 14 hari akan menjelaskan imej dan reputasi sesebuah Kementerian atau Jabatan	
15	Dokumen sokongan tidak dilampirkan - AP99 (a)		Dokumen sokongan yang tidak dilampirkan akan menyebabkan sukar untuk memastikan kesahihan sesuatu tuntutan atau perolehan.	Dokumen sokongan seperti invois/ bil, borang tuntutan pegawai, resit/ bil hotel, salinan kad perakam waktu/ jadual kedatangan, maklumat akaun bank dan sebagainya tidak disertakan atau dilampirkan

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
16	Penggunaan Kod Objek Am/ Sebagai yang tidak tepat - PP 5/2004	Risiko Tinggi Impak Besar	Kesilapan Kod Objek Am/ Sebagai dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana ianya boleh menyebabkan perolehan tanpa kelulusan, mempunyai unsur-unsur penipuan jika Jabatan/ PTJ menggunakan OS/ OA tersebut bagi tujuan pelepasan bayaran disebabkan tiada peruntukan yang sepatutnya serta menjelaskan perancangan peruntukan atau belanjawan sesuatu aktiviti atau program	Sebagai contoh perbelanjaan sepatutnya menggunakan Kod Objek 35299 tetapi PTJ menggunakan Kod Objek 24699 bagi tujuan perolehan harta modal atau perbelanjaan sepatutnya menggunakan Kod Objek 15102 bagi bayaran balik bil telefon tetapi PTJ menggunakan Kod Objek 23102
17	Invois/ bil tidak diperakur oleh Jabatan - AP99 (e) (i) atau (ii)		Dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana terdapat risiko invois/ bil/ resit tersebut adalah palsu yang boleh membawa kepada penipuan dan penyelewengan wang awam	Sebagai contoh bil telefon yang tidak diperakur oleh Jabatan
18	Bayaran tidak menggunakan bil/ invois yang asal/ resit asal/ surat akuan sumpah			Sebagai contoh resit atau bil hotel hilang dan tiada perakuan dibuat - SPANM 1/1983
19	Baucar dibayar atas nama penjawat awam bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja - AP99 (b)		Dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana ada unsur-unsur penyalahgunaan kuasa, penyelewengan atau pecah amanah	Sebagai contoh sewaan PA Sistem, Perkhidmatan Penganjuran Kursus di bayar atas nama penjawat awam
20	Maklumat dan butiran pembekal/ penerima pada Baucar Bayaran berbeza dengan invois/ bil/ dokumen tuntutan/ dokumen sokongan		Maklumat berbeza seperti nombor akaun bank berbeza, nama pembekal/ penerima berbeza dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana boleh menyebabkan kesilapan pembayaran atau sememangnya mempunyai unsur-unsur penipuan dan penyelewengan	Sebagai contoh nombor akaun bank berbeza, nama pembekal/penerima berbeza diantara baucar bayaran dan invois atau penyata bank
21	Amaun di Baucar Bayaran tidak sama dengan invois atau dokumen tuntutan - AP102 (a)		Amaun yang tidak sama mungkin disebabkan oleh tersalah kira atau tersalah kunci masuk amaun atau mungkin juga disebabkan tersalah invois/ tuntutan. Dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana boleh berlaku kesilapan pembayaran. Walaubagaimanapun, bagi kesilapan pengiraan untuk tuntutan pegawai dan Panjar, sila rujuk pemerhatian nombor 26	Sebagai contoh bayaran sewaan mesin fotostat untuk daerah Mersing kepada Pembekal A telah dibayar kepada Pembekal B di daerah Muar yang mana jumlah sewaannya berbeza

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
22	Pembayaran dibawah AP58 (a) dibuat tanpa kelulusan Pejabat Perakaunan/ Perbendaharaan		Pembayaran AP58 (a) yang dibuat tanpa kelulusan berisiko sesuatu pembayaran tersebut adalah tidak sah dan boleh dikenakan di bawah AP59	Sebagai contoh semakan ke atas Buku Log mendapati penyelenggaraan kenderaan yang dibuat pada bulan Disember tahun 2011 dibayar pada bulan Februari tahun 2012 tanpa kelulusan AP58 (a)
23	Pengeluaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak mematuhi - AP96 (a)		Pembayaran yang tidak mematuhi AP96 (a) seperti tiada bukti tandatangan/ cap jari penerima berisiko berlakunya penyelewengan wang awam atau penyalahgunaan kuasa penerima pada pengesahan penerimaan wang	Sebagai contoh bayaran untuk Bantuan Orang Tua didapati tiada bukti tandatangan/ cap jari penerima pada pengesahan penerimaan wang

Tuntutan Pegawai/ Panjar

24	Tuntutan perjalanan tidak dikemukakan sebelum atau pada 10hb. bulan berikutnya - AP100 (a)		Dikategorikan sebagai berisiko rendah kerana bayaran yang lewat dibuat adalah disebabkan oleh tuntutan pegawai itu sendiri yang lewat dikemukakan	Sebagai contoh tuntutan pada bulan Januari 2012 diterima pada 15 Februari 2012
25	Lebih daripada satu tuntutan perjalanan dibuat bagi satu-satu bulan kecuali bagi tuntutan yang melibatkan lebih daripada satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) - AP100 (b)	Risiko Rendah Impak Kecil	Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana tuntutan jarang berlaku	Sebagai contoh perjalanan sehingga 20 Mac telah dituntut terlebih dahulu pada bulan Mac tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat perjalanan yang tidak dijangka pada 30 dan 31 Mac menyebabkan pegawai membuat tuntutan kali kedua pada bulan yang sama. Dalam hal ini, sekiranya pegawai membawa kenderaan sendiri, hitungan kilometer hendaklah bersambung dari tuntutan kilometer pada tuntutan pertama bagi mengelakkan kesilapan pembayaran
26	Kesilapan pengiraan Baucar Bayaran tuntutan pegawai atau Panjar Wang Runcit (terkurang bayar) - AP102 (a) (iv)		Kesilapan pembayaran/ pengiraan terkurang bayar yang melibatkan Panjar Wang Runcit dan tuntutan pegawai seperti tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, tuntutan penceramah	Sebagai contoh terkurang bayar elaun harian bagi tugas rasmi yang dilakukan oleh pegawai

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
27	Borang tuntutan pegawai tidak lengkap - AP 99 (a) dan AP 102 (a)	Risiko Tinggi Impak Besar	Melibatkan tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, tuntutan penceramah dan sebagainya seperti tiada tandatangan pegawai penuntut/ pegawai pengesah, tiada tarikh, maklumat tuntutan tidak jelas dan lain-lain lagi. Dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana boleh menyebabkan tuntutan yang dibuat adalah tuntutan palsu, tuntutan yang tidak disahkan serta pembayaran tanpa kelulusan/ kebenaran	Sebagai contoh tiada tandatangan pegawai penuntut/ pegawai pengesah, tiada tarikh, keterangan maklumat tuntutan tidak jelas yang mana menyukarkan pengiraan elaun makan/elaun harian dan lain-lain lagi
28	Kesilapan pengiraan Baucar Bayaran tuntutan pegawai atau Panjar Wang Runcit (terlebih bayar) - AP102 (a) (iv)	Risiko Tinggi Impak Besar	Kesilapan pembayaran/ pengiraan terlebih bayar yang melibatkan Panjar Wang Runcit dan tuntutan pegawai seperti tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, tuntutan penceramah	Sebagai contoh terlebih bayar elaun makan bagi tugas rasmi yang dilakukan oleh pegawai atau terlebih bayar elaun lebih masa pegawai
29	Baucar Kecil (Kew.50) tidak disediakan bagi tujuan Panjar Wang Runcit/ tidak dilengkapkan - AP99 (c)	Risiko Tinggi Impak Besar	Kew. 50 tidak disediakan atau tidak lengkap seperti tiada bukti tandatangan penerima panjar, tiada butir-butir pembelian dan sebagainya berisiko dari segi penyalahgunaan wang panjar, panjar digunakan untuk perkara-perkara yang tidak rasmi atau peribadi	Kew. 50 tidak lengkap seperti tiada bukti tandatangan penerima panjar, tiada butir-butir pembelian dan sebagainya
Perolehan - Pesanan Tempatan (PT)/ Kontrak/ Inden Kerja				
30	Bayaran kontrak/ perjanjian tidak dicatat nombor kontrak, tempoh dan amaun kontrak pada ruangan 'Catatan' di senarai semak - AP99 (a)	Risiko Rendah Impak Kecil	Berisiko rendah kerana hanya tidak dicatat pada senarai semak yang mana baucar mungkin akan dikuiri oleh Pejabat Perakaunan disebabkan tidak dapat dipastikan sama ada bayaran masih dalam tempoh kontrak atau tidak. Begitu juga dengan amaun sama ada mengikut kontrak atau tidak	Sebagai contoh nombor kontrak dan tempoh kontrak tidak dicatat pada ruangan catatan senarai semak

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
31	PT/ Inden Kerja tidak lengkap/ tidak diperakui oleh Pembekal dan/ atau Jabatan/ tidak dicetak - AP99 (e) (i) atau (ii)		PT tidak lengkap atau Inden Kerja tidak lengkap seperti tiada tarikh pada perakuan pembekal atau/ dan Jabatan, tiada tandatangan Peraku II/ Pelulus, tiada tandatangan pembekal atau/ dan tiada tandatangan perakuan Jabatan berisiko tinggi seperti bayaran dibuat sebelum bekalan dibekalkan/ perkhidmatan disempurnakan, perolehan tanpa kelulusan dan sebagainya	Sebagai contoh tiada tarikh pada perakuan pembekal atau/ dan Jabatan, tiada tandatangan Peraku II/ Pelulus, tiada tandatangan pembekal atau/ dan tiada tandatangan perakuan Jabatan
32	PT/ Inden Kerja dikeluarkan selepas tarikh perolehan - AP176.1 (d) dan (e)		PT/ Inden Kerja lewat dikeluarkan berisiko dimana perbelanjaan yang dibuat tidak sah atau tidak mendapat kebenaran/ kelulusan kerana PT mungkin tidak dikeluarkan langsung semasa program dilaksanakan/ bekalan dipesan yang mana boleh juga dikenakan dibawah AP59. PT yang dikeluarkan lewat juga berisiko peruntukan tidak mencukupi apabila pesanan hendak dikeluarkan	Sebagai contoh program diadakan pada bulan Mac 2012 tetapi PT dikeluarkan pada bulan November 2012
33	PT dilakukan secara manual tanpa kelulusan pegawai yang diberikuasa - AP54		PT yang dikeluarkan secara manual tanpa kelulusan Pejabat Perakaunan berisiko dimana perbelanjaan yang dibuat tanpa/ melebihi peruntukan, PT dikeluarkan lewat selepas barang telah diterima dahulu atau selepas program/ aktiviti dijalankan	Sebagai contoh PTJ menggunakan PT manual pada penghujung tahun disebabkan baru mendapat peruntukan tambahan pada 30 Disember 2012 dimana PT tidak dapat dijana melalui ePerolehan atau eSPKB selepas tarikh 31 Disember 2012. Semakan mendapati semua PT tersebut dikeluarkan dalam tempoh AKB berdasarkan kepada tarikh Perakuan Pembekal dan Jabatan. Ini menunjukkan bekalan/ perkhidmatan diterima selepas 31 Disember 2012
34	Perolehan tanpa PT atau perjanjian/ kontrak	Risiko Tinggi Impak Besar	Perolehan tanpa PT atau perjanjian/ kontrak seperti pembayaran perolehan menggunakan Invois Tanpa PT berisiko dimana perbelanjaan/ perolehan yang dibuat tidak mendapat kebenaran/ kelulusan atau tidak sah yang mana boleh juga dikenakan di bawah AP59	Sebagai contoh pembayaran untuk penyelenggaraan kenderaan tidak menggunakan PT. Bayaran dibuat menggunakan invoice sahaja

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
35	Pembayaran dilaksanakan menggunakan dokumen perjanjian yang tidak sah - AP176.1 (c)		Pembayaran berisiko tinggi jika dokumen perjanjian adalah palsu dimana pembayaran yang dibuat tidak sah atau tidak mendapat kelulusan	Sebagai contoh perjanjian yang telah dibuat tidak ditandatangan oleh pembekal/ Jabatan
36	Pembayaran dibuat sebelum bekalan/ perkhidmatan disempurnakan - AP102 (a) (i)		Berisiko dimana barang-barang atau perkhidmatan tidak diterima atau disiapkan dengan sempurna walaupun bayaran telah dibuat. Pembayaran juga mungkin mempunyai unsur-unsur penyelewengan dan pecah amanah	Sebagai contoh bekalan diterima pada 1 Februari 2013 berdasarkan tarikh Nota Penghantaran barang tetapi bayaran telah dibuat di dalam tempoh AKB iaitu pada 7 Januari 2013
37	Bayaran bercanggah dengan terma dan syarat kontrak		Pembayaran yang tidak mengikut terma dan syarat kontrak berisiko mempunyai unsur-unsur penyalahgunaan kuasa, pembayaran tidak sah serta penyelewengan	Contohnya seperti bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan yang menetapkan seramai 3 orang pekerja tetapi hanya seorang pekerja sahaja yang bertugas. Begitu juga dengan bayaran bagi perkhidmatan memasang, menguji dan mentauliah tetapi pengujian tidak dibuat
38	Perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja tidak mematuhi peraturan/ tatacara perolehan		Perolehan yang tidak mematuhi tatacara perolehan seperti tidak membuat proses sebutharga bagi perolehan melebihi RM50,000 bagi bekalan dan perkhidmatan atau RM20,000 bagi kerja atau tidak membuat proses tender bagi perolehan yang melebihi RM500,000. Ini juga termasuk perolehan yang sepatutnya dibuat melalui kontrak pusat tetapi tidak melalui kontrak pusat	Sebagai contoh pembelian alat pembedahan berjumlah RM509,000 tidak melalui proses tender. Sebaliknya PTJ hanya membuat proses sebutharga
Baucar Jurnal				
39	Baucar Jurnal eSPKB tidak dicetak			
40	Dokumen sokongan untuk Baucar Jurnal tidak lengkap/ tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah	Risiko Rendah Impak Kecil	Memberi risiko dimana sukar untuk membuat semak silang di antara dokumen kewangan dan dokumen sokongan	Dokumen sokongan tidak lengkap/ tidak disertakan seperti tiada salinan Flimsi, salinan BV381, tiada salinan Baucar Bayaran/ Penyata Pemungut yang mana berkaitan
41	Terdapat kesalahan kunci masuk maklumat/ butiran jurnal	Risiko Tinggi Impak Besar	Berisiko menyebabkan tersalah menggunakan peruntukan, boleh menyebabkan jumlah peruntukan tidak tepat, perbelanjaan tanpa atau melebihi peruntukan	Sebagai contoh kesilapan debit dan kredit atau amaun yang dikunci masuk berbeza
Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) Pukal				

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
42	Dokumen sokongan untuk WPUA tidak lengkap/tidak disertakan/ salinan tidak diakui sah	Risiko Rendah Impak Kecil	Memberi risiko dimana sukar untuk membuat semak silang di antara dokumen kewangan dan dokumen sokongan serta kesahihan sesuatu dokumen asal tidak dapat dipastikan jika salinan tidak diakui sah	Sebagai contoh surat program/ mesyuarat tidak disertakan
43	WPUA dilakukan secara manual tanpa kelulusan pegawai yang diberikuasa - AP54		WPUA yang dikeluarkan secara manual tanpa kelulusan Pejabat Perakaunan berisiko dimana perbelanjaan yang dibuat tanpa peruntukan atau perbelanjaan yang dibuat melebihi peruntukan	
44	WPUA tiada tandatangan Peraku II		Tiada tandatangan Peraku II berisiko perjalanan yang dibuat adalah bukan atas urusan rasmi atau perjalanan/ perbelanjaan yang dibuat tidak sah/ tidak mendapat kelulusan	
45	Semakan tidak dibuat antara WPUA, invois, BV381, BV504 - BV505 dengan BP21	Risiko Tinggi Impak Besar	Semakan yang tidak dilakukan berisiko bayaran yang dibuat bukan merupakan perbelanjaan/ bil Jabatan sendiri tetapi bil untuk Jabatan lain, bayaran yang dibuat bukan ke atas WPUA yang dikeluarkan, pembayaran ke atas invois/ bil palsu serta berisiko bayaran yang dibuat termasuk bayaran-bayaran tunggakan tahun lepas yang telah dibayar atau belum dibayar tetapi tiada kelulusan AP58 (a)	
46	WPUA dipinda		WPUA tidak boleh dipinda kerana risiko berlakunya penyelewengan atau penipuan. Sekiranya terdapat pindaan pada nama pegawai, WPUA hendaklah dibatalkan dan diproses semula melalui sistem eSPKB	Sebagai contoh, terdapat pindaan pada nama pegawai yang mana berkemungkinan tiket telah dikeluarkan atas nama pegawai asal bagi tujuan penerbangan yang lain/ tidak rasmi
Pematuhan Panduan Pengguna PTJ eSPKB/ Pengurusan Dokumen Kewangan				
47	Cap 'BATAL/ TELAH BAYAR' (JANM 09) tidak digunakan pada Baucar Bayaran yang dibatalkan/ nombor dan tarikh EFT/ cek yang gagal dikemaskini secara automatik		Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana hanya sukar untuk mengenalpasti baucar batal atau baucar yang berjaya (berstatus 8) tetapi nombor EFT tidak dikemaskini secara automatik. Merupakan pemerhatian ke atas ketidakpatuhan kepada Panduan Pengguna PTJ eSPKB sahaja	

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
48	Borang Pergerakan Dokumen eSPKB (JANM 08)/ ePerolehan tidak digunakan/ tidak dilengkapkan/ tarikh dan tandatangan Pegawai Penyedia, Perakuan I, Perakuan II berbeza antara JANM 08 dan Baucar Bayaran/ Baucar Jurnal/ Waran Peruntukan/ WPUA		Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana JANM 08 yang tidak digunakan/ tidak lengkap atau kesemua peranan di JANM 08 ditandatangan oleh orang yang sama boleh membawa kepada tanda-tanda penyalahgunaan Kad Pintar. Sekiranya terdapat tanda-tanda penyalahgunaan Kad Pintar, dapatkan kad perakam waktu dan semak dengan Baucar Bayaran sama ada pegawai tersebut hadir atau tidak pada tarikh tersebut	
49	Senarai Semak tidak dicetak/ pilihan atau penandaan tidak sama dengan dokumen sokongan/ penandaan tidak tepat	Risiko Rendah Impak Kecil	Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana senarai semak yang tidak dicetak hanya menyukarkan proses semak silang di antara senarai semak yang ditanda dengan dokumen sokongan. Begitu juga dengan penandaan yang tidak sama atau tidak tepat pada senarai semak akan menyukarkan proses semakan Baucar Bayaran	Sebagai contoh senarai semak borang pengiraan ditanda bagi tuntutan elaun lebih masa sepatutnya senarai semak yang perlu ditanda adalah borang tuntutan
50	Penyesuaian Vot (BV500 - BV503) tidak dihantar ke Pejabat Perakaunan dalam tempoh 14 hari dari tarikh laporan dipaparkan di Portal JANM/ Buletin eSPKB		Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana Penyata Penyesuaian Vot telah disediakan, hanya lewat dihantar ke Pejabat Perakaunan	
51	Penggunaan modul bayaran yang salah		Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana hanya kesilapan penggunaan modul bayaran, walaubagaimanapun bayaran yang dibuat adalah betul dan mematuhi prosedur kewangan	Sebagai contoh menggunakan Modul Pendapatan Bercukai bagi bayaran APC, sepatutnya menggunakan Modul Invois Tanpa PT
52	Penemuan naziran yang berulang		Terdapat penemuan naziran yang berulang apabila disemak dengan laporan naziran tahun sebelumnya. Ini menggambarkan Jabatan/ PTJ kurang mengambil perhatian terhadap penemuan naziran yang telah dibangkitkan	
53	Tiada cap/ tebukan 'TELAH BAYAR' (JANM 11) pada borang tuntutan pegawai/ resit/ bil/ invois - SPANM 1/1983		Dikategorikan sebagai risiko tinggi kerana boleh menyebabkan pembayaran dua (2) kali yang mana boleh menyebabkan pembaziran wang awam	Sebagai contoh cap 'TELAH BAYAR' dicap pada kertas A4, tidak pada resit tol

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
54	Tiada cap 'TARIKH TERIMA' pada invois/ bil/ penyata tuntutan/ Kew. 8		Tiada cap tarikh terima berkemungkinan pembayaran dibuat melebihi 14 hari yang mana akan menjasakan imej sesebuah Kementerian dan Jabatan	
55	Laporan BV381 tidak dicetak, disemak dan ditandatangan sekurang-kurangnya sebulan sekali AP95 (e)		Laporan Harian Buku Vot BV381 yang tidak dicetak dan disemak boleh menyebabkan kesilapan caj vot pembayaran yang berterusan	Sebagai contoh vot gaji bagi PTJ lain telah dicaj ke dalam vot Jabatan. Ini boleh menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan
56	Laporan BV340 tidak dicetak, disemak dan ditandatangan sekurang-kurangnya sebulan sekali AP103 (b)		Laporan Bulanan BV340 yang tidak dicetak dan disemak boleh menyebabkan berlakunya tanggungan dua (2) kali sekiranya baucar-baucar yang berstatus 6 dan 2 tidak diambil tindakan dimana ianya memberi kesan ke atas jumlah tanggungan, liabiliti dan baki peruntukan	
57	Penyesuaian Vot (BV500 - BV503) tidak disediakan/ dicetak/ disemak dan ditandatangani oleh Penyelia		Penyata Penyesuaian yang tidak disediakan dan disemak boleh menyebabkan perbelanjaan yang tidak sepatutnya berada kekal di dalam buku vot/ Flimsi. Ini juga boleh mengakibatkan peruntukan tidak mencukupi apabila sesuatu perbelanjaan hendak dilakukan terutamanya apabila pada hujung tahun	
58	Penyimpanan dokumen kewangan tidak mengikut kehendak AP99 (a)/ AP150 (i)	Risiko Tinggi Impak Besar	Dokumen kewangan yang tidak disimpan teratur dan selamat boleh menyebabkan kehilangan dokumen kewangan yang akan menyukarkan proses semakan pihak luar seperti Jabatan Audit Negara serta akan menyukarkan proses pelupusan. Dokumen kewangan yang hilang juga boleh menjadi salah satu punca kepada ketidaktelusinan dalam sesuatu proses pembayaran jika dokumen kewangan gagal dikemukakan kepada pihak ketiga seperti Jabatan Audit Negara dan Pasukan Naziran	

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
59	Borang Bayaran Berjadual (JANM 12) tidak diselenggara/ dikemaskini dan difailkan dengan sempurna untuk semakan		Bayaran Berjadual (JANM 12) yang tidak diselenggara dan dikemaskini boleh menyebabkan berlakunya bayaran lebih dari sekali jika pemantauan pembayaran tidak dilakukan. Contohnya seperti perkhidmatan pembersihan kawasan, kawalan keselamatan, sewaan dan sebagainya	
60	Gagal mengemukakan dokumen kewangan untuk naziran		Dokumen kewangan yang gagal dikemukakan bagi tujuan semakan boleh membawa kepada tanda-tanda berlakunya penyelewengan atau penipuan dalam proses pembayaran. Walaubagaimanapun punca-punca dokumen kewangan yang tidak dapat dikemukakan perlu dikenalpasti terlebih dahulu seperti hilang akibat banjir atau berpindah yang mana boleh dipertimbangkan kerana tiada unsur-unsur penyelewengan dan penipuan	
Pengurusan Pengguna				
61	Tidak menyelenggara fail khas berkaitan penurunan kuasa dan had kuasa berbelanja	Risiko Rendah Impak Kecil	Dikategorikan sebagai risiko rendah kerana penurunan kuasa dan had kuasa berbelanja ada diselenggara cuma fail sahaja yang tidak dikemaskini	
62	Tiada Surat Penurunan Kuasa/ tidak dikemaskini - AP11		Dikategorikan sebagai risiko tinggi kerana pembayaran yang dibuat tanpa sebarang penurunan kuasa secara bertulis. Begitu juga dengan Had Kuasa Berbelanja yang tidak sama dengan Had Kuasa Kew. 290 yang mana selaras dengan AP92 (b), pegawai yang membenarkan atau mengarahkan sesuatu perbelanjaan tanpa kuasa akan dipertanggungjawab sendiri bagi jumlah yang dibelanjakan itu	
63	Tiada Had Kuasa Berbelanja/ tidak dikemaskini/ tidak selaras dengan AP101 dan SPANM 1/2008			

Bil	Isu Penemuan	Risiko	Keterangan Risiko	Contoh/ Catatan
64	Tahap capaian pengguna tidak dikemaskini	Risiko Tinggi Impak Besar	Tahap capaian pengguna yang tidak dikemaskini membolehkan pengguna bertindak sebagai peranan yang berbeza, atau bagi pengguna yang telah berpindah tetapi tidak dibatalkan tahap capaiananya membolehkan pengguna melakukan capaian ke atas PTJ tersebut dan melakukan transaksi yang tidak sepatutnya	
65	Pengguna Kad Pintar adalah pengguna yang tidak sah - AP70 (c)	Risiko Tinggi Impak Besar	Lanjutan daripada pemerhatian nombor 48, penyalahgunaan Kad Pintar boleh disemak berdasarkan kad perakam waktu dengan Baucar Bayaran samada pegawai tersebut hadir atau tidak pada tarikh tersebut. Pengguna yang tidak sah atau penyalahgunaan kad pintar memberi tanda-tanda salah guna kuasa dikalangan pegawai	